

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' MANAN BIN ISMAIL
(PAYA BESAR)**

**TARIKH : 11.11.2014
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sumbangan Kerajaan setakat ini untuk wira Lahad Datu di Sabah selain bantuan kewangan semata-mata selepas ada dakwaan pihak tertentu yang menyatakan Kerajaan memberi tumpuan lebih kepada waris mangsa tragedi MH370 dan MH17.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah anggota tentera yang terkorban di Lahad Datu semasa Operasi Daulat (11 Feb 2013 sehingga 24 Mac 2013) adalah seramai 2 orang iaitu Allahyarham 1163461 Kpl Ahmad Hurairah bin Ismail dan Allahyarham 1168039 Kpl Ahmad Farhan bin Ruslan. Kedua-dua anggota telah meninggal dunia pada 12 Mac 2013 dan semasa meninggal dunia mereka berstatus bujang dan memegang pangkat Prebet. Bagi menghargai jasa dan pengorbanan kedua-dua Allahyarham, Kementerian Pertahanan telah menaikkan pangkat kedua-dua Allahyarham ini daripada pangkat Prebet terus ke pangkat Kopral dan berkuatkuasa mulai tarikh 13 Mac 2013. Selain itu pihak kerajaan turut menganugerahkan Pingat Bentara Angkatan Tentera (BAT) kepada kedua-dua Allahyarham yang telah diterima oleh kedua-dua bapa Allahyarham pada 3 Oktober 2013.

Bagi bayaran faedah kematian, pihak Kementerian Pertahanan telah melaksanakan bayaran berkenaan mengikut peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 dan bayaran-bayaran lain seperti Caruman Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPPN) dan Insuran Kelompok (Koperasi Tentera) kepada tanggungan kedua-dua mereka.

Kementerian sentiasa memastikan kebajikan waris kedua-dua anggota tersebut tidak terabai dan mendapat perhatian sewajarnya. Ketika ini waris kedua-dua anggota tersebut sedang menerima bayaran pencen bulanan sebanyak RM1,589.43 sebulan dan mereka juga akan menerima penyelarasan pencen sebanyak dua peratus setiap tahun. Pembayaran pencen ini akan berterusan seumur hidup tanggungan kedua-dua anggota tersebut.

Pihak kerajaan menyangkal dakwaan tumpuan yang lebih diberikan kepada waris tragedi MH370 dan MH17. Pendirikan kerajaan adalah jelas di mana pihak kerajaan tidak akan membezakan dan lepas tangan serta akan membantu semua rakyat yang terlibat dalam sebarang tragedi yang menyayat hati mengikut kesesuaian semasa sesuatu tragedi berkenaan.